

**TERMA DAN SYARAT YANG MENTADBIR AKAUN SIMPANAN
(berkuatkuasa dari 1hb Mei 2015)**

Definisi

'ATM'	bermakna sebuah mesin juruwang automatik.
'Akaun'	bermakna apa-apa jenis akaun simpanan termasuk akaun simpanan di bawah nama UOB Savings Plus, U Account, Akaun Simpanan Buku Simpanan, Akaun Simpanan Asas, eAkaun, Akaun FunSavers atau akaun simpanan lain sedemikian yang dibuka dan/atau dikekalkan dengan kami.
'Pemegang Akaun, anda atau kamu'	bermakna seorang pemegang akaun untuk Akaun sama ada secara tunggal atau bersama dan akan termasuk wakil peribadi, pengganti hak milik dan pemegang serah hak masing-masing.
'Penandatanganan yang Dibenarkan'	bermakna seorang individu (sama ada berseorangan atau bersama mana-mana individu lain) yang dibenarkan oleh anda untuk memberi Arahan dan/atau mengendalikan Akaun.
'Bank, kami, kita'	bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd dan, di mana boleh digunakan, termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.
'BNM'	bermakna Bank Negara Malaysia.
'Cawangan'	bermakna pejabat cawangan kami di mana Akaun dibuka dan/atau dikekalkan.
'Hari Perniagaan'	bermakna hari di mana Bank dibuka dan/atau akan kekal dibuka dalam negeri di mana tempat perniagaan Bank terletak untuk transaksi perniagaan yang diperlukan atau dimaksudkan oleh Terma dan Syarat ini.
'Kad'	bermakna kad (pernyataan ini juga termasuk kad gantian) yang dikeluarkan untuk penggunaan anda di terminal ATM dan EFTPOS.
'Kod'	bermakna Kod Hasil Dalam Negeri 1986 yang dikeluarkan oleh AS.
'Hari'	bermakna satu hari kalendar dalam kalendar Gregory.
'EFTPOS'	bermakna perkhidmatan pemindahan dana elektronik yang disediakan pada masa jualan yang dilakukan di antara anda dan pihak ketiga.
'ePenyata'	bermakna penyata elektronik yang disediakan untuk penelitian melalui Perbankan Internet Peribadi UOB anda (untuk individu) atau Perbankan Internet Perniagaan UOB (untuk syarikat-syarikat, perkongsian atau pemilik tunggal) berikutan pendaftaran anda untuk perkhidmatan ePenyata bagi Akaun Semasa.
'FATCA'	bermakna seksyen 1471 hingga 1474 dalam Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap daripadanya dipinda dari masa ke semasa (secara amnya dikenali sebagai Akta Pematuhan Pencukaaian Akaun Asing) ("FATCA") atau mana-mana perjanjian lain yang dimasuki dengan atau di antara pihak berkuasa untuk pelaksanaan FATCA.

'Arahan'	bermakna sebarang permintaan, permohonan untuk pembukaan Akaun, kebenaran atau arahan dalam apa-apa bentuk, bahan dan cara yang anda lakukan berkaitan dengan Akaun.
'Kadar Faedah'	bermakna kadar faedah yang ditetapkan oleh kami dari masa ke semasa sebagai kadar faedah yang digunakan untuk Akaun.
'PIN'	bermakna nombor pengenalan peribadi anda yang kami keluarkan kepada anda untuk membenarkan anda menggunakannya di ATM.
'Data Peribadi'	boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butir-butir hubungan, maklumat yang ditangkap dalam sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda daripada Televisyen Litar Tertutup (CCTV)), maklumat yang terkandung di dalam mana-mana akaun anda yang anda punyai dengan Bank sama ada secara tunggal atau bersesama dengan mana-mana orang lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan Bank dan data lain yang diperlukan berkaitan diri anda dan transaksi anda dengan Bank.
'Pengawalan'	bermakna mana-mana Garis Panduan BNM, termasuk tetapi tidak terhad kepada Garis Panduan BNM untuk Perkhidmatan Perbankan Asas, sebarang pengawalan atau peraturan daripada mana-mana badan kerajaan atau kawal selia atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, yang mungkin diubah atau dilaksanakan dari masa ke semasa.
'Penyata Akaun'	bermakna salinan penyata fizikal yang kami keluarkan kepada anda setiap bulan atau pada permintaan anda, yang menunjukkan semua transaksi dalam Akaun termasuk deposit, pengeluaran dan baki wang dalam Akaun.
'Terma dan Syarat'	bermakna Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun (termasuk sebarang perubahan atau penambahan kepadanya yang kami mungkin tentukan dari masa ke semasa).
'AS'	bermakna Amerika Syarikat.
'Rakyat AS'	bermakna warganegara atau pemastautin individu AS, perkongsian atau syarikat yang diperbadankan di AS atau di bawah undang-undang AS atau mana-mana negeri di AS, suatu amanah jika (i) mahkamah di AS akan mempunyai kuasa di bawah undang-undang berkenaan untuk memberi perintah atau penghakiman mengenai sebahagian besar isu-isu berkenaan pentadbiran amanah, dan (ii) satu atau lebih daripada satu Rakyat AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan utama amanah tersebut, atau estet bagi keturunan seseorang yang merupakan warganegara atau penduduk AS. Definisi ini akan ditafsirkan mengikut Kod. Sila dimaklumkan bahawa individu yang telah kehilangan kewarganegaraan AS mereka dan yang menetap di luar AS mungkin dianggap sebagai Rakyat AS dalam keadaan tertentu.

1 Terma dan Syarat

Dengan membuka, mengekal dan menggunakan Akaun, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini. Terma dan Syarat ini digunakan pada dan mentadbir semua Akaun yang dibuka dan dikekalkan pada masa kini, dan yang dibuka dengan kami pada masa hadapan. Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma.

2 Deposit

- 2.1 Deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk pembukaan Akaun dan baki minimum adalah amaun sedemikian yang ditetapkan oleh kami dari masa ke semasa.
- 2.2 Apabila anda melakukan deposit:-
- (a) deposit tersebut mesti ditempatkan mengikut kaedah atau cara yang kami tentukan dari masa ke semasa, sama ada melalui kaunter di cawangan atau melalui penggunaan mana-mana perkhidmatan yang mungkin disediakan oleh kami dari masa ke semasa;
 - (b) anda bersetuju bahawa semua wang tunai yang didepositkan tidak boleh dikeluarkan sehingga Hari Perniagaan yang berikutnya;
 - (c) kami mungkin (tetapi tidak diwajibkan untuk berbuat demikian) memberi kredit serta-merta untuk cek, draf dan semua instrumen lain yang didepositkan ke dalam Akaun. Walau bagaimanapun, deposit sedemikian tidak boleh dikeluarkan sehingga jumlah yang didepositkan telah diterima oleh kami.
- 2.3 Slip deposit yang disertakan dengan deposit tunai dianggap sebagai resit tidak sah melainkan ia disahkan oleh cetakan mesin di cawangan atau mempunyai tandatangan pegawai bank kami. Jika slip deposit mengandungi kesilapan atau peninggalan, kami boleh membetulkan slip deposit tersebut dan versi slip yang dibetulkan oleh kami adalah muktamad untuk semua tujuan. Anda harus menyimpan rekod transaksi supaya anda dapat mengesahkan kemasukan ke dalam Penyata Akaun.
- 2.4 Semua cek yang didepositkan akan diterima oleh kami semata-mata sebagai agen pengutipan, dan kami tidak menganggap sebarang tanggungjawab untuk:-
- (a) sebarang pembayaran yang tidak dilakukan atau kerugian kepada anda akibat daripada sebarang ketidakupayaan pihak kami untuk mengutip, sama ada disebabkan oleh sebarang sekatan pembayaran atau apa-apa undang-undang atau pengawalan mana-mana negara di mana cek tersebut dijelaskan/dikutip; atau
 - (b) sebarang bantahan, atau apa-apa keingkaran, pengabaian atau ketidakmampuan mana-mana koresponden atau bank pembayar atau mana-mana agen atau sub-agen; atau
 - (c) apa-apa sebab di luar kawalan kami.
- Jika anda meminta, cek tak laku mungkin dipulangkan kepada anda melalui pos pada risiko dan perbelanjaan anda.
- 2.5 Kami mengekalkan hak untuk mendebit atau menyemak amaun dikreditkan sedemikian daripada Akaun:-
- (a) jika cek, draf dan instrumen lain sedemikian untuk melaksanakan deposit telah dikembalikan; atau
 - (b) jika bayaran yang kami terima untuk cek, draf dan instrumen lain sedemikian adalah kurang daripada amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun;
 - (c) walaupun selepas kami menerima bayaran, bank pembayar koresponden atau mana-mana agen atau sub-agen menuntut bayaran balik atau pembayaran semula amaun sedemikian pada bila-bila masa dan pada apa-apa alasan (sama ada dapat dipertikaikan atau sebaliknya), termasuk tanpa had pada alasan bahawa cek, draf, kiriman wang, pindahan telegraf atau arahan pembayaran lain atau instrumen adalah terbatal, tidak sah atau dikeluarkan dengan tipu muslihat, atau dalam apa-apa keadaan lain yang mengakibatkan amaun cek, draf, kiriman wang, pindahan telegraf atau arahan pembayaran lain sedemikian atau mana-mana bahagian daripadanya tertakluk kepada tuntutan sebenar atau berpotensi untuk pembayaran semula atau bayaran balik oleh mana-mana pihak.
- 2.6 Deposit tidak boleh dipindah, diserahkan hak, dicagar, dicaj atau sebaliknya dihalang atau diberikan dengan cara jaminan kepada mana-mana pihak kecuali berpihak pada kami atau dengan persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.

3 Pengeluaran

- 3.1 Pengeluaran daripada Akaun mesti dilakukan dalam kaedah atau cara dan pada terma dan syarat sedemikian yang kami mungkin tentukan dari masa ke semasa. Sebarang kaedah atau cara pengeluaran tertentu mungkin ditukar atau ditamatkan oleh kami dari masa ke semasa, dengan pemberian notis kepada anda.
- 3.2 Amaun pengeluaran minimum setiap transaksi akan ditentukan oleh kami.
- 3.3 Pengeluaran yang melebihi had tidak dibenarkan. Jika anda mengeluarkan amaun yang melebihi had daripada Akaun, jumlah terlebih mesti dibayar balik pada permintaan bersama dengan faedah sedemikian yang kami mungkin kenakan.
- 3.4 Apabila anda melakukan pengeluaran, anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa:-
(a) semua arahan pengeluaran adalah tepat dan lengkap;
(b) terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun;
dan anda akan bertanggungjawab untuk semua arahan sedemikian yang berkesan dan sah dan terikat pada anda. Anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami dan/atau mana-mana pihak lain, walaupun jika tandatangan atau kebenaran atau Arahan mungkin telah dipalsukan atau diperoleh secara tipu muslihat atau tanpa kebenaran, atau Kad mungkin digunakan tanpa kebenaran.
- 3.5 Anda boleh memohon untuk menyediakan pembayaran debit terus atau secara berkala.

4 Mandat/Arahan

- 4.1 Mandat Pengendalian untuk mengendali atau menggunakan Akaun:-
(a) anda mesti memberikan kami semua maklumat mengenai diri anda dan semua Penandatanganan yang Dibenarkan;
(b) anda mesti memberikan kami mandat pengendalian untuk individu yang akan mengendali Akaun jika anda mempunyai lebih dari satu Penandatanganan yang Dibenarkan dan jika Akaun adalah akaun bersama.
- 4.2 Perubahan dalam mandat pengendalian:-
(a) anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta secara bertulis mengenai sebarang perubahan atau pengubahan dalam mandat pengendalian atau jika anda ingin mengubah tandatangan anda atau tandatangan Individu yang Dibenarkan;
(b) kami berhak kepada tempoh masa yang berpatutan (tidak kurang dari tujuh (7) Hari Perniagaan daripada tarikh penerimaan) untuk memproses pemakluman perubahan sedemikian. Kami mungkin, pada budi bicara mutlak kami, menerima sebarang cek atau instrumen lain, atau bertindak atas sebarang arahan, yang telah ditandatangani oleh anda sebelum kami memproses pemakluman perubahan sedemikian.
- 4.3 Arahan:-
(a) Semua arahan yang diberi oleh anda atau mana-mana Penandatanganan yang Dibenarkan adalah muktamad dan terikat pada anda.
(b) Kami berhak untuk menolak penerimaan atau bertindak ke atas sebarang Arahan, sama ada untuk pengeluaran atau apa-apa transaksi lain atau apa-apa perkara berhubung dengan Akaun, jika:-
(i) kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau identiti mana-mana Penandatanganan yang Dibenarkan mengikut kepuasan kami;
(ii) kami mempunyai sebarang keraguan mengenai kesahihan, kejelasan atau kesempurnaan Arahan;
(iii) bentuk atau kandungan Arahan sedemikian tidak sejajar dengan keperluan atau polisi atau amalan yang kami tentukan dari masa ke semasa;

- (iv) Arahan tidak sejajar dengan mandat yang sedang dikuatkuasakan berhubung dengan operasi Akaun;
- (v) kami yakin atau mengesyaki bahawa arahan tersebut tidak dibenarkan, palsu atau dipalsukan;
- (vi) tandatangan pada arahan berbeza daripada tandatangan contoh dalam rekod kami;
- (vii) ia menyebabkan Akaun dikeluarkan melebihi had dan kami tidak akan dipertanggungjawabkan akibat daripada penolakan tersebut.

4.4 Kami mungkin bertindak atas sebarang Arahan yang kami percaya berniat baik daripada anda atau Penandatanganan yang Dibenarkan, tanpa pertanyaan mengenai:-

- (a) identiti atau kebenaran individu yang memberi atau dikatakan memberi Arahan sedemikian; atau
- (b) kesahihannya, atau walaupun:-
 - (i) Arahan sedemikian mungkin bercanggah dengan Arahan lain yang diberikan oleh anda kepada kami; atau
 - (ii) sebarang kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan atau kurang kejelasan dalam terma Arahan sedemikian.

4.5 Jika anda meninggal dunia atau menjadi bankrap atau kurang kemampuan, kami mungkin pada budi bicara mutlak kami membeku atau menggantung Akaun tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami daripada individu yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendali Akaun tersebut.

4.6 Anda mengakui bahawa kami mungkin melaksanakan apa-apa prosedur dan ciri-ciri keselamatan yang kami anggap sesuai dan/atau diperlukan dari masa ke semasa untuk mengesahkan identiti anda dan bahawa transaksi tersebut telah dibenarkan oleh anda. Tanpa menjejaskan perkara di atas, kami mungkin memerlukan pengesahan untuk mana-mana Arahan daripada anda dalam sebarang bentuk atau cara yang kami anggap sesuai.

5 Buku Simpanan dan Penyata Akaun

5.1 Kemasukan ke dalam buku simpanan dianggap tidak sah melainkan ia dicetak mesin oleh kami atau ia mempunyai tandatangan pegawai yang dibenarkan. Buku simpanan adalah untuk rujukan sahaja dan bukan penentuan muktamad untuk baki terkini Akaun kerana deposit atau pengeluaran mungkin dilakukan atau caj didebitkan kepada Akaun tanpa penggunaan buku simpanan.

5.2 Kami boleh memegang buku simpanan tersebut.

5.3 Buku simpanan mesti dikemukakan dan borang tersedia kami mesti dilengkapkan untuk sebarang deposit atau pengeluaran.

5.4 Kemasukan ke dalam buku simpanan dianggap tidak sah melainkan ia dicetak mesin oleh cawangan atau mempunyai tandatangan pegawai kami. Anda harus memeriksa dengan teliti setiap kemasukan ke dalam buku simpanan sebelum anda meninggalkan cawangan.

5.5 Buku simpanan baru mungkin dikeluarkan berikutan penjelasan yang memuaskan kepada kami dan selepas pemegang Akaun menandatangani borang indemniti yang kami tentukan.

5.6 Anda bertanggungjawab untuk menyimpan buku simpanan dengan selamat di tempat yang dikunci pada setiap masa dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran bagi buku simpanan anda dan melaporkan sebarang kehilangan atau kecurian buku simpanan kepada kami dengan serta-merta.

- 5.7 Anda bertanggungjawab untuk semua transaksi tanpa kebenaran pada Akaun anda sehingga kami menerima pemakluman anda mengenai kehilangan atau kecurian buku simpanan dan kami berpuas hati bahawa tindakan atau ketinggalan anda tidak menyebabkan (secara langsung atau tidak langsung) atau menyumbang kepada kejadian kehilangan, kecurian atau pendedahan dan bahawa kehilangan, kecurian atau pendedahan tersebut bukan akibat kecuai, penipuan, tindakan atau keingkaran anda.
- 5.8 Kami mungkin menghantar penyata akaun atau makluman pengesahan kepada anda melalui pos biasa pada penghujung setiap bulan atau pada dasar berkala sedemikian yang kami anggap sesuai. Jika tiada pergerakan dalam Akaun atau jika anda telah berjaya mendaftar untuk mendapatkan Perkhidmatan ePenyata kami, penyata tidak akan dihantar kepada anda. Jika anda berjaya memohon untuk mendapatkan Perkhidmatan ePenyata kami, satu salinan fizikal untuk Penyata Akaun mungkin juga akan dihantar pada permintaan anda tertakluk kepada bayaran caj lazim kepada kami.
- 5.9 Anda bertanggungjawab untuk:-
- (a) memeriksa semua kemasukan ke dalam Buku Simpanan dan/atau Penyata Akaun;
 - (b) melaporkan kepada kami dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan atau peninggalan;
 - (c) menandatangani dan mengembalikan sebarang slip pengesahan, termasuk apa-apa yang diperlukan bagi tujuan audit (jika diperlukan untuk berbuat demikian);
 - (d) memaklumkan kami jika anda tidak menerima Penyata Akaun;
 - (e) memantau semua baki anda pada setiap masa dan melaporkan kepada kami jika anda mendapati sebarang transaksi tidak dibenarkan telah berlaku.
- 5.10 Jika kami tidak menerima bantahan secara bertulis dari anda dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata atau makluman pengesahan sedemikian atau enam puluh (60) hari untuk pemindahan dana secara elektronik:-
- (a) anda akan dianggap secara muktamad:-
 - (i) telah menerima, dan akan terikat oleh kesahan, kebenaran dan ketepatan transaksi/kemasukan serta baki yang dinyatakan dalam buku simpanan, penyata atau makluman tersebut;
 - (ii) telah menentusah dan mengesahkan setiap dan semua transaksi yang diwakili oleh kemasukan yang dinyatakan dalamnya.
 - (b) penyata, makluman atau kemasukan, sebagaimana kes yang mungkin berlaku, akan dianggap sebagai bukti muktamad bahawa anda telah membenarkan kami untuk melaksanakan transaksi/kemasukan yang dinyatakan dalamnya; dan
 - (c) anda tidak akan mempunyai tuntutan terhadap kami dalam apa-apa cara yang mungkin timbul akibat daripada, berhubung dengan atau disebabkan oleh sebarang transaksi/kemasukan yang dirujuk di atas.
- 5.11 Pembalikan: Kami berhak untuk menyesuaikan, membalikkan, membatalkan atau mendebitkan Akaun pada bila-bila masa jika:-
- (a) kami perlu membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan;
 - (b) kami dikehendaki untuk memulangkan wang kepada pembayar atau penyuruh bayar;
 - (c) kami belum menerima dana yang dijelaskan atau tanpa syarat sepenuhnya atau tepat pada masanya;
- dan mana-mana Penyata Akaun yang dibetulkan akan terikat terhadap anda.
- 5.12 Sebarang permintaan untuk Penyata Akaun tambahan mesti dilakukan secara bertulis kepada kami dan akan tertakluk kepada caj sedemikian yang kami mungkin tentukan dari masa ke semasa.

6 Faedah

- 6.1 Faedah dibayar pada kadar Faedah lazim Bank berdasarkan jenis Akaun. Pada penutupan Akaun, faedah sehingga hari sebelum tarikh penutupan akan dibayar kepada anda.
- 6.2 Anda tidak boleh memindahkan, menyerahkan hak, mengenakan caj atau sebaliknya menghalang atau mewujudkan sebarang faedah dalam Akaun yang berpihak pada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan kami.
- 6.3 Kami mungkin mengubah dari masa ke semasa kadar faedah yang perlu dibayar, dasar pengiraan atau selang masa di mana faedah sedemikian perlu dibayar. Notis sedemikian kepada anda akan diberikan dalam cara sedemikian seperti mana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- 6.4 Kecuali Akaun Simpanan Asas, kami akan membayar faedah atas baki kredit Akaun yang mana kami telah bersetuju dengan jelas untuk berbuat demikian, tertakluk kepada baki harian yang tidak kurang daripada baki minimum yang kami mungkin perlu anda kekalkan dalam Akaun supaya layak untuk pembayaran faedah.
- 6.5 Bagi Akaun Simpanan Asas, kami akan membayar faedah pada seluruh baki kredit di dalam Akaun Simpanan Asas tanpa mengira jumlah baki kredit.

7 Kad

- 7.1 Pada pembukaan Akaun, Kad dan PIN akan dikeluarkan kepada anda di Cawangan. Semua transaksi yang dijalankan melalui penggunaan PIN dan Kad adalah muktamad dan akan mengikat anda.
- 7.2 (a) Anda bertanggungjawab:-
- (i) untuk mengambil semua langkah berjaga-jaga dan munasabah untuk mengelakkan kehilangan, kecurian, penipuan atau penggunaan tanpa kebenaran untuk Kad anda;
 - (ii) untuk memaklumkan kami dengan serta-merta jika Kad telah tersalah letak, hilang atau dicuri, dan untuk mengambil semua langkah wajar bagi membantu mengembalikan penggunaan mana-mana Kad yang hilang atau dicuri;
 - (iii) untuk membekalkan kami dengan sebarang maklumat dan/atau dokumentasi yang kami mungkin perlukan dari masa ke semasa berhubung dengan penggunaan Kad dan untuk bekerjasama dengan kami dalam apa-apa penyiasatan atau pendakwaan yang timbul daripada atau berhubung dengan penggunaan Kad;
 - (iv) untuk memastikan bahawa Kad tidak dicatitkan, dirosakkan, diubahsuai atau diusik.
- (b) Kami mengekalkan hak, pada bila-bila masa apabila kami memutuskan untuk:-
- (i) mengenakan caj dan fi untuk penggunaan Kad dan untuk menggantikan Kad yang hilang atau dicuri, dengan pemberian notis terlebih dahulu;
 - (ii) meminta pengembalian atau pengekalan Kad sebab Kad tersebut adalah hak milik kami dan anda bersetuju untuk mengembalikannya dengan secepat mungkin pada permintaan kami;
 - (iii) pada permintaan anda, membenarkan mana-mana Kad untuk digunakan atau terus digunakan berhubung dengan mana-mana akaun lain sebagai tambahan atau sebagai ganti kepada Akaun yang ditetapkan oleh anda pada permulaannya;
 - (iv) mengeluarkan Kad kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang boleh mengendalikan Akaun secara tunggal jika Akaun berada dalam nama bersama.

- 7.3 Anda bersetuju bahawa kami mungkin akan terus mendebitkan Akaun walaupun jika mandat Akaun telah ditukar atau diubah kecuali semua Kad yang dikeluarkan telah dikembalikan kepada kami.
- 7.4 Dengan penerimaan Kad dan PIN, anda bersetuju bahawa anda akan melindungi dan kekal melindungi kami daripada semua tuntutan, permintaan, tindakan dan prosiding yang mungkin diambil terhadap kami dan semua ganti rugi, liabiliti, kerugian dan perbelanjaan (termasuk semua fi dan kos guaman yang bagaimana sekalipun ditanggung) yang kami mungkin tanggung atau alami secara langsung akibat daripada penggunaan Kad atau PIN dengan atau tanpa kebenaran anda atau akibat daripada kecuaiian, salah laku atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda.
- 7.5 Kad ini tidak boleh dipindahkan kepada individu lain dan mesti digunakan sejajar dengan Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat UOB Debit MasterCard.

8 Nombor Pengenalan Peribadi

- 8.1 Anda bertanggungjawab untuk:-
- (a) untuk memastikan PIN dirahsiakan dan disimpan secara sulit pada setiap masa;
 - (b) tidak mendedahkan PIN yang dikeluarkan oleh kami kepada mana-mana individu dan anda akan sentiasa menjaga kesulitan PIN dan menghalang PIN daripada diketahui oleh mana-mana individu bagi mencegah penggunaan tidak dibenarkan atau palsu untuk PIN anda;
 - (c) tidak menyimpan rekod bertulis untuk PIN anda di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang mungkin membenarkan pihak ketiga untuk mendapat akses kepada atau menggunakan PIN anda;
 - (d) memaklumkan kami jika anda mengesyaki atau menyedari bahawa individu yang tidak dibenarkan mengetahui PIN anda atau terdapat pengaksesan yang tidak dibenarkan ke atas Akaun anda atau dalam penggunaan PIN anda.

Anda bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi keperluan ini mungkin akan mengakibatkan kecurian atau penggunaan tidak sah untuk Kad, di mana anda mungkin akan dipertanggungjawabkan untuk semua transaksi yang dilakukan serta caj yang ditanggung di bawah Kad.

- 8.2 Anda mesti memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta:-
- (a) jika PIN hilang; atau
 - (b) jika PIN mungkin diketahui oleh individu lain; atau
 - (c) jika anda mengesyaki bahawa individu lain mengetahui PIN.
- dan Anda juga mesti memberi sebarang maklumat berkenaan dan bantuan wajar dalam penyiasatan perkara tersebut.
- 8.3 Kami berhak untuk menggantung/menamatkan penggunaan Kad dan membatalkan PIN dan anda mungkin akan menerima kad dan PIN baru, sebagaimana yang kami tentukan. Anda akan bertanggungjawab untuk semua transaksi sehingga kami menerima pemakluman mengenai kehilangan atau pendedahan PIN. Selain itu, anda juga telah membuktikan pada kepuasan kami bahawa tindakan atau peninggalan anda secara langsung atau tidak langsung tidak menyebabkan atau menyumbang kepada kerugian atau kecurian tersebut dan bahawa kerugian atau kecurian tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian, penipuan, tindakan atau keingkaran anda.

9 Akaun FunSavers

- 9.1 Akaun FunSavers mesti dibuka oleh ibubapa atau penjaga sah secara bersama dengan penjimat muda. Penjimat muda tidak boleh berumur lebih daripada 18 tahun.

- 9.2 Sekiranya penjamin muda di bawah umur 12 tahun, Akaun FunSavers juga suatu akaun amanah. Akaun ini dipegang dalam amanah bagi ibubapa atau penjaga sah untuk manfaat penjamin muda. Akaun FunSavers akan dikendalikan oleh ibubapa atau penjaga sah (mengikut kes berkenaan) secara tunggal sehingga penjamin muda mencapai umur 12 tahun atau menerima Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan, dan selepas penerimaannya, Akaun FunSavers akan dikendalikan samada oleh penjamin muda atau ibubapa atau penjaga sah (mengikut kes berkenaan) secara tunggal atau bersama, dan Akaun FunSavers tidak lagi merupakan akaun amanah.
- 9.3 Setiap Akaun FunSavers akan diterbitkan buku simpanan akaun. Buku simpanan FunSavers mesti dikemukakan bagi sebarang transaksi deposit atau pengeluaran.
- 9.4 Akaun FunSavers akan ditukar kepada Akaun Simpanan Passbook dalam tahun penjamin muda mencapai umur 18 tahun.
- 9.5 Jika ibubapa atau penjaga sah (mengikut kes berkenaan) meninggal dunia atau menjadi bankrap atau kurang kemampuan, kami mungkin pada budi bicara kami membeku atau menggantung Akaun FunSavers tanpa bertanggungjawab kepada penjamin muda sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami daripada individu yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendalikan Akaun FunSavers.
- 9.6 Kami berhak untuk menolak deposit melalui cek yang perlu dibayar kepada penjamin muda.
- 9.7 Kami berhak menentukan jenis perkhidmatan dapat digunakan ke atas Akaun FunSavers seperti Kad dan mungkin mengenakan batasan dan caj untuk perkhidmatan.
- 9.8 Faedah akan dibayar atas sebarang baki kredit dalam Akaun FunSavers. Faedah akan diakru setiap hari dan dikreditkan ke dalam Akaun FunSavers dua kali setahun pada hujung bulan June and Disember

10 Akaun Bersama

- 10.1 Jika Akaun mempunyai nama bersama (melainkan dalam kes Akaun Funsavers):-
- (a) setiap pemegang akaun adalah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua liabiliti yang ditanggung pada atau untuk baki debit dalam Akaun;
 - (b) setiap pemegang akaun bersetuju secara bersama dan berasingan untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pindaan dari masa ke semasa);
 - (c) kami akan bertindak pada Arahan dari anda mengikut mandat bertulis yang anda berikan kepada kami;
 - (d) jika kami menerima arahan berlainan dari pemegang akaun lain sebelum kami bertindak pada arahan yang diterima daripada seorang pemegang akaun, kami mungkin enggan untuk melaksanakan arahan tersebut dan memerlukan mandat daripada semua pemegang akaun bersama;
 - (e) cek yang perlu dibayar kepada mana-mana daripada anda akan didepositkan ke dalam Akaun.
- 10.2 Pada kematian mana-mana pemegang akaun bersama:-
- (a) wang dalam kredit atau yang dikekalkan dalam Akaun akan dibayar kepada pemegang akaun yang masih hidup atau dikekalkan pada arahan pemegang akaun yang masih hidup sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan sebarang hak yang kami mungkin ada berhubung dengan baki sedemikian yang timbul daripada, antara lain, sebarang lien, caj, cagaran, penyelesaian atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain, sama ada sebenar atau di luar jangkaan;
 - (b) apa-apa bayaran yang kami lakukan kepada pemegang akaun yang masih hidup akan membentuk pelepasan lengkap tanggungjawab kami yang mengikat semua pemegang akaun serta wakil peribadi dan pengganti mereka.

- 10.3 Jika mana-mana pemegang akaun menjadi bankrap atau kurang kemampuan, kami mungkin pada budi bicara mutlak kami membeku atau menggantung Akaun tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami menerima bukti, pada kepuasan kami, daripada individu yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendali Akaun bersama tersebut.

11 Caj dan Hak untuk Mendebit

- 11.1 Anda mungkin perlu membayar fi dan caj bagi penggunaan Akaun dan fi serta caj sedemikian mungkin diubah dari masa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada fi yang dinyatakan di bawah dalam klausa ini. Kadar semasa untuk fi dan caj akan disediakan kepada anda di Cawangan kami, di laman web rasmi di www.uob.com.my atau pada permintaan anda.
- 11.2 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang, pada tarikh pembukaan Akaun atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh pembukaan Akaun, diperlukan oleh undang-undang (termasuk Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan) untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berhubung dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun.
- 11.3 Sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang ditanggung oleh kami berhubung dengan penggunaan Akaun dan apa-apa barangan atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Akaun akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan pembayaran bagi pihak anda, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami amaun sedemikian yang dibayar.
- 11.4 Fi perlu dibayar jika Akaun ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan daripada pembukaannya. Caj ini akan ditolak daripada Akaun sebelum baki dibayar kepada anda semasa penutupan.
- 11.5 Jika Akaun adalah dormant untuk tempoh berterusan selama 12 bulan dan jika baki dalam Akaun dalam tempoh tersebut adalah RM10.00 atau kurang, kami mungkin mendebitkan keseluruhan baki dalam Akaun sebagai caj perkhidmatan dan menutup Akaun Semasa selaras dengan Pengawalan, selepas memberikan anda notis bertulis.
- 11.6 Kami mungkin, pada budi bicara mutlak kami, dari masa ke semasa, mengenakan sebarang caj perkhidmatan baru lain, menaikkan atau mengurangkan amaun caj, selepas memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.
- 11.7 Kami mungkin mendebitkan sebarang amaun yang dijangka di bawah Terma dan Syarat ini daripada Akaun dan kami mungkin membatalkan, membalikkan atau mendebitkan sebarang bayaran (termasuk sebarang faedah yang dibayar):-
- (a) untuk membetulkan satu kesilapan;
 - (b) apabila kami belum menerima dana yang diluluskan dan tanpa bersyarat dengan sepenuhnya atau tepat pada masanya;
 - (c) apabila kami perlu mengembalikan dana kepada pembayar atau penyuruh bayar berkenaan; atau
 - (d) di mana kami mempunyai sebab-sebab munasabah untuk berbuat demikian.

12 Agen Bank

Kami boleh menggunakan perkhidmatan mana-mana bank atau agen di mana-mana lokasi yang dianggap sesuai berhubung dengan sebarang pemungutan untuk atau untuk transaksi perbankan lain anda. Bank atau agen sedemikian adalah dianggap sebagai agen dan kami tidak akan, dalam apa-apa keadaan, bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana bank atau agen tersebut, atau pada sebab kehilangan, pencurian, kemusnahan atau kelewatan penghantaran sebarang instrumen

sementara dalam transit atau dalam pemilikan mana-mana bank atau agen tersebut. Semua caj yang ditanggung oleh kami adalah untuk Akaun anda.

13 Permintaan Maklumat

- 13.1 Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh yang kami tentukan, sebarang maklumat, kenyataan dan penjelasan yang kami anggap perlu berkenaan dengan Akaun bagi:-
- (a) mematuhi undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan/atau
 - (b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.
- 13.2 Sementara menunggu penerimaan maklumat daripada anda dan sehingga kami telah mengesahkan maklumat tersebut pada kepuasan kami, kami tidak wajib untuk meneruskan sebarang transaksi atau pembayaran.
- 13.3 Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan sebarang transaksi tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang timbul daripada kelewatan atau kegagalan untuk memproses sebarang transaksi disebabkan oleh maklumat atau dokumentasi yang tidak mencukupi daripada anda.

14 Penyimpanan Rekod Anda

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada borang pembukaan akaun, Penyata Akaun, imej cek, slip deposit dan pengeluaran, surat-menyurat atau dokumen berhubung dengan Akaun Semasa, melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

15 Penutupan Akaun

- 15.1 Anda boleh menutup Akaun di Cawangan dengan memberikan notis bertulis dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh kami dan menyelesaikan semua jumlah tertunggak (prinsipal, faedah dan apa-apa kos lain) jika ada, yang perlu dibayar kepada kami.
- 15.2 Walau dengan apa-apa pun yang terdapat dalam Terma dan Syarat ini, kami boleh menutup, menarik balik, menggantung atau menamatkan Akaun:
- (a) sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan notis terlebih dahulu kepada anda;
 - (b) jika Akaun tidak aktif untuk tempoh berterusan selama 12 bulan dan baki di dalam Akaun dalam tempoh tersebut adalah kurang daripada minimum yang diperlukan atau ditetapkan oleh kami, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda. Kami akan mendebitkan keseluruhan baki dalam Akaun sebagai caj perkhidmatan.
 - (c) jika anda tidak mengikuti arahan kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini atau jika pada pendapat kami, anda tidak mematuhi sebarang undang-undang yang digunakan;
 - (d) jika, pada pendapat kami, Akaun tidak dikendalikan dengan cara yang wajar atau sepatutnya;
 - (e) jika anda mengancam untuk melanggar atau anda telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini atau terma dan/atau syarat lain yang berkenaan dengan anda atau apa-apa perjanjian lain sama ada berhubung dengan pinjaman dana atau pemberian pendahuluan atau kredit atau sebaliknya;

- (f) jika anda memberikan kami maklumat yang tidak benar, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan;
- (g) jika anda tidak membayar apa-apa jumlah terhutang kepada kami tepat pada masanya;
- (h) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak waras, tidak mampu membayar, bankrap atau tertakluk kepada prosiding kehakiman;
- (i) jika berlaku sesuatu peristiwa keingkaran di bawah mana-mana perjanjian atau pengaturan lain antara kami;
- (j) jika penyiasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawal selia belum lagi selesai, masih berterusan atau diancam terhadap anda;
- (k) jika anda telah didakwa atau disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;
- (l) jika apa-apa laporan telah diambil terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001;
- (m) jika lokasi anda tidak diketahui oleh kami.

15.3 Anda tidak boleh menggunakan Akaun untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun anda telah atau sedang digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap sesuai untuk memenuhi sebarang kewajipan atau keperluan di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan sebarang sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami mungkin ambil termasuk menutup Akaun dengan serta-merta, membuat laporan dan mengambil tindakan sedemikian yang kami mungkin tentukan sebagai wajar.

15.4 Pada penutupan Akaun anda perlu:-

- (a) membayar semua fi, kos dan jumlah yang tertunggak pada tarikh penutupan, dan akan melindungi kami dengan sewajarnya;
- (b) memulangkan semua cek yang tidak digunakan dan Kad dengan serta-merta;
- (c) membayar semua fi, kos, cukai, duti, levi dan jumlah yang tertunggak sehingga tarikh penutupan Akaun;
- (d) memaklumkan semua pedagang yang dibenarkan anda untuk melakukan debit langsung kepada Akaun mengenai penutupannya. Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar pedagang anda di bawah bidang kuasa debit langsung anda.

15.5 Kewajipan pembayaran kami kepada anda untuk sebarang wang atau baki kredit dalam Akaun yang ditutup akan dilepaskan dengan mengembalikan wang kepada anda dalam bentuk dan cara sedemikian yang kami pilih, termasuk menghantar cek atau draf melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami.

16 Hak Penyelesaian dan Penggabungan

16.1 Sebagai tambahan kepada sebarang hak am untuk menolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun anda (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebaliknya) dengan kami, sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain. Anda membenarkan kami, selepas memberikan anda notis 7 hari, untuk menolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak yang berada dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian ("Deposit") untuk atau terhadap penyelesaian liabiliti anda di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah mana-mana perjanjian lain atau untuk apa-apa sebab, sama ada liabiliti tersebut adalah untuk masa kini atau masa hadapan, sebenar atau di luar jangkaan, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersama ("Liabiliti").

- 16.2 Pada pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausula 15.1, anda bersetuju bahawa kami berhak untuk menguntukkan atau memegang kepada Deposit sebelum penyelesaian dan anda tidak layak untuk mengeluarkan sebarang Deposit tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.
- 16.3 Di mana penyatuan, penyelesaian, penggabungan atau pemindahan memerlukan penukaran dari satu mata wang ke yang lain, penukaran sedemikian akan dikira pada kadar pertukaran lazim kami seperti yang kami tentukan pada budi bicara mutlak kami.
- 16.4 Seterusnya, kami boleh menjual sebarang kolateral yang termasuk tetapi tidak terhad kepada dana, dokumen, instrumen, catel, bon, debentur, saham atau sekuriti lain serta barang bernilai lain yang dipegang oleh kami dalam nama anda, termasuk untuk penjagaan selamat, melalui jualan awam atau peribadi tanpa sebarang prosiding kehakiman, dan mengekalkan prosid daripada jualan tersebut, jumlah amaun yang patut dan perlu dibayar oleh anda kepada kami, termasuk fi dan kos guaman (pada dasar indemniti penuh), caj dan perbelanjaan sampingan lain daripada jualan sedemikian.
- 16.5 Jika terdapat kekurangan antara amaun dijangka dan amaun terealisasi, anda mesti membayar amaun perbezaan tersebut kepada kami dengan serta-merta apabila diminta, dan sehingga kami menerima bayaran sepenuhnya, anda juga perlu membayar faedah ke atas baki tersebut pada kadar sedemikian yang kami mungkin tentukan dari masa ke semasa, selepas dan sebelum apa-apa pengadilan, dan tidak mengira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara anda dan kami telah terhenti atau ditamatkan.
- 16.6 Deposit atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya tidak boleh diserahkan hak, dipindah atau dibebankan (melainkan untuk kepentingan kami atau dengan kebenaran bertulis kami). Anda berjanji untuk tidak, atau tidak bertujuan untuk, menjual, menyerahkan hak, memindah, menggadai janji, mengenakan caj atau sebaliknya mengurus atau membebankan Deposit atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya, dan sebarang jualan, penyerahan hak, pemindahan, gadai janji, caj atau urusan lain sedemikian akan terbatal.

17 Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB 121

Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB 121, Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB 121 akan tergunapakai sebagai tambahan kepada dan bukan pengganti untuk mana-mana Terma dan Syarat ini. Anda boleh membaca Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB 121 di www.uob.com.my.

18 Terma dan Syarat Perbankan Internet UOB

Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, jika anda meminta untuk mendapat perkhidmatan kami melalui Perkhidmatan Perbankan Internet UOB, Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Internet UOB akan digunakan sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai ganti untuk mana-mana Terma dan Syarat ini. Anda boleh meneliti Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Internet UOB di www.uob.com.my.

19 Tiada Penyelesaian atau Tuntutan Balas oleh Pemegang Akaun

Sehingga semua wang yang terhutang dibayar atau diselesaikan dengan sepenuhnya, anda tidak akan berhak untuk menuntut sebarang penyelesaian atau tuntutan balas terhadap kami berkaitan dengan sebarang liabiliti kami kepada anda, dengan membayar sebarang jumlah yang boleh didapatkan balik oleh kami atau pada apa-apa alasan lain. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam pengaturannya antara kami akan dianggap sebagai mengandungi perjanjian tersirat yang

mengehadkan atau menafikan sebarang lien, caj, jaminan, hak penyelesaian atau hak lain yang telah wujud atau tersirat dari segi undang-undang.

20 Kos dan Perbelanjaan

- 20.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun dan penguatkuasaan atau percubaan untuk melindungi atau menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini akan dibayar oleh anda pada permintaan dan pada dasar indemniti penuh, bersama dengan faedah bermula daripada tarikh tuntutan ke tarikh pembayaran penuh pada kadar sedemikian yang kami tentukan.
- 20.2 Kami berhak untuk mendebitkan Akaun anda untuk semua kos, perbelanjaan dan fi guaman yang ditanggung atau perlu dibayar oleh anda kepada kami berkenaan dengan Akaun.
- 20.3 Kami berhak untuk menggunakan sebarang bayaran yang diterima daripada anda untuk menyelesaikan semua kos, caj dan perbelanjaan dalam perkadaran dan keutamaan sedemikian yang kami anggap sesuai, pada budi bicara mutlak kami, dan kami berhak untuk menempat dan mengekalkan sebarang bayaran yang diterima daripada anda dalam kredit akaun tergantung sepanjang tempoh yang kami pilih. Sementara itu, kami tidak diwajibkan untuk menggunakan kesemua atau sebahagian yang sama terhadap pelepasan sebarang wang atau liabiliti yang dijangka atau ditanggung oleh anda di bawah Akaun ini.

21 Pemindaan

- 21.1 Kami boleh pada budi bicara mutlak kami dari masa ke semasa, mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda Terma dan Syarat ini dengan memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu, sama ada melalui Penyata Akaun anda atau melalui pemaparan pada laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau di Cawangan kami, atau dalam apa-apa cara yang kami pilih.
- 21.2 Jika anda tidak menerima pindaan tersebut, anda mesti menutup Akaun dalam tempoh 7 hari daripada tarikh pemakluman. Jika anda tidak berbuat demikian, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan sedemikian dan perubahan tersebut akan terikat terhadap anda.
- 21.3 Kami boleh, pada bila-bila masa pada budi bicara mutlak kami, meminda, mengubah, menyemak, mengehadkan, menambah, menggantung, membatalkan atau mengeluarkan semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Akaun dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda.

22 Pendedahan Maklumat

Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, agen atau mana-mana individu lain yang dibenarkan oleh kami untuk mengakses rekod kami, surat-menyurat atau sebarang bahan berhubung dengan anda atau Akaun Semasa) boleh mendedahkan pada bila-bila masa pada budi bicara mutlak kami dan tanpa notis terdahulu kepada anda, sebarang maklumat berkaitan dengan anda, akaun anda dengan kami atau Akaun tersebut kepada pihak berikut:-

- (a) mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan (iaitu cawangan, agensi, wakil, pegawai, syarikat bergabung, sekutu atau berkaitan, dan pegawai, kakitangan atau agen masing-masing mereka, sama ada di dalam atau di luar Malaysia) untuk sebarang tujuan berikut:-
- (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;

- (ii) pelaporan;
 - (iii) pepadanan data;
 - (iv) meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami;
 - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;
 - (vi) menyasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
 - (vii) kutipan hutang;
 - (viii) khidmat sumber luar;
 - (ix) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
 - (x) memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi ahli Kumpulan;
 - (xi) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
 - (xii) pelaksanaan peraturan korporat;
 - (xiii) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami.
- (b) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggara dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
 - (c) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami untuk tujuan menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
 - (d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - (e) syarikat kad kredit dan institusi kewangan yang berkaitan dengan pertanyaan kad kredit;
 - (f) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
 - (g) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
 - (h) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggaraannya, serta pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh kami;
 - (i) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau mana-mana pihak lain;
 - (j) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
 - (k) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
 - (l) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan di antara kami dan anda, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
 - (m) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui ATM bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang diluluskan oleh kami, kepada kami, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;
 - (n) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
 - (o) mana-mana individu di mana kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
 - (p) mana-mana individu lain di mana pendedahan sedemikian dianggap sebagai untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak termasuk perkongsian strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
 - (q) mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau perlindungan sebarang hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;

- (r) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

23 Pematuhan pada Perintah Mahkamah

Kami dan Kumpulan boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

24 Perlindungan data

- 24.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my) dan klausa-klausa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang berkaitan dengan pemrosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan disifatkan sebagai diperbadankan melalui rujukan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 24.2 Anda bersetuju dan membenarkan kami memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, perubahan atau penghapusan.
- 24.3 Sekiranya anda memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk data yang berkaitan dengan saudara kadim dan tanggungan anda (di mana anda seorang individu) atau data yang berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan pemberi sekuriti anda (di mana anda adalah sebuah syarikat), bagi maksud membuka atau mengendalikan Akaun anda dengan kami atau melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:
 - (a) mengesahkan bahawa anda telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberi data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
 - (b) mengakujaji bahawa anda telah memaklumkan pihak ketiga tersebut untuk membaca Notis Privasi di dalam laman web kami di www.uob.com.my;
 - (c) telah memaklumkan pihak ketiga tersebut:-
 - (ci) bahawa kami akan mengumpul atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
 - (cii) bahawa kami akan menzahirkan data peribadi mereka kepada kelas-kelas pihak ketiga yang dibutirkan di dalam Notis Privasi kami;
 - (d) bersetuju memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - (e) bersetuju mengemas kini kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan material kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - (f) bersetuju akan hak kami untuk menamatkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini sekiranya kebenaran sedemikian ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.

- 24.4 Jika anda mengarahkan kami untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butir-butir yang berkaitan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk data yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia luar negara dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan tugas-tugas mereka yang sah (seperti pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau ejen-ejen kami untuk memasuki ke dalam mana-mana transaksi merentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan penzahiran yang dinyatakan di atas bagi pihak diri anda sendiri dan orang lain yang terlibat di dalam transaksi merentas sempadan ini.
- 24.5 Tambahan lagi, tetapi sentiasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) berkaitan dengan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa Kumpulan, dan saudagar dan rakan kongsi strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik kepada anda atau memberi manfaat kewangan kepada anda. Walau apa pun, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubungan dengan hal ehwal atau Akaun anda) dengan saudagar dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda terlebih dahulu telah diperolehi.
- 24.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan-bahan pemasaran langsung dari Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Personal Financial Services, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau alamat lain yang dimaklumkan oleh kami) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 24.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami yang lain yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian Akaun anda dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 24.8 Anda berhak untuk meminta secara bertulis:
- (a) untuk apa-apa maklumat berkaitan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan, setelah membuat bayaran fi yang ditetapkan;
 - (b) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami untuk dikemas kini, dipinda dan/atau dibetulkan;
 - (c) untuk kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
 - (d) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkaitan pemprosesan Data Peribadi anda.

Untuk permintaan di bawah (a) atau (b), anda boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permohonan Akses Data Peribadi atau Borang Permohonan Pembetulan Data Peribadi kami, masing-masing. Borang-borang tersebut boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my.

Anda boleh mengemukakan semua permohonan anda kepada mana-mana cawangan-cawangan kami atau 'Customer Communications Management, UOB Call Centre, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami boleh mengenakan fi untuk memproses permohonan anda untuk akses atau pembetulan. Kami juga boleh enggan mematuhi permohonan anda berhubung dengan (a) atau (b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak mencukupi (seperti yang ditentukan oleh kami) atau di mana permintaan itu mungkin melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap tidak dalam kepentingan kami untuk berbuat

demikian. Jika kami enggan mematuhi permohonan tersebut, kami akan memaklumkan kepada anda mengenai keengganan itu dan sebab bagi penolakan kami.

- 24.9 Anda adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut dikemas kini.
- 24.10 Sila ambil perhatian bahawa jika anda kemudiannya menarik balik persetujuan anda untuk memproses Data Peribadi anda yang diberikan lebih awal kepada kami, kerana kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berhubung dengan tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi, kami akan mempunyai hak untuk tidak memberikan atau menghentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi berkenaan.
- 24.11 Kami berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami dan akan memberi notis terlebih dahulu kepada anda secara bertulis dan meletakkan apa-apa pindaan tersebut pada laman web kami atau dengan meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi-lokasi yang menonjol dalam cawangan-cawangan kami atau melalui komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh kami.
- 24.12 Klausa ini hendaklah tanpa menjejaskan mana-mana klausa lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang memperuntukkan penzahiran data.

25 Pematuhan FATCA

- 25.1 Anda perlu menyediakan semua dokumentasi atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara-negara kediaman tetap, negara-negara kediaman cukai dan nombor pengenalan pembayar cukai yang berkaitan, yang mungkin diperlukan untuk membolehkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan mematuhi semua keperluan FATCA atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

Anda perlu memaklumkan kami secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari mengenai sebarang perubahan yang menjejaskan status cukai anda berhubung dengan FATCA di bawah sebarang undang-undang, peraturan atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

- 25.2 Anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memberikan semua dokumentasi atau maklumat lain kepada kami sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh kami untuk mematuhi FATCA dan berhubung dengan perubahan dalam status cukai dan akan menyediakan semua dokumentasi atau maklumat lain yang diperlukan dalam tempoh tujuh (7) hari dari permintaan daripada kami secara bertulis atau sebaliknya.

Anda selanjutnya mengakui bahawa apa-apa kegagalan di pihak anda untuk memberikan maklumat yang tepat dan tepat pada masanya menurut keperluan dan permintaan kami boleh menyebabkan kami menganggap bahawa anda bersikap degil ("recalcitrant") dan/atau boleh dilaporkan dan mengambil segala tindakan yang diperlukan terhadap anda dalam usaha kami untuk mematuhi keperluan di bawah FATCA, undang-undang tempatan berhubung dengan FATCA dan mana-mana peruntukan lain yang timbul daripada perjanjian antara kerajaan yang berkaitan dengan FATCA.

- 25.3 Bagi pelanggan individu, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan mengenai apa-apa Data Peribadi kepada orang di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau

perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Kebenaran anda akan berkuatkuasa walau apapun sebarang perjanjian tiada pendedahan yang berkenaan. Anda mewakili bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 25 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 25.4 Bagi pelanggan yang merupakan pemilik tunggal, perkongsian atau entiti perniagaan lain, syarikat, atau persatuan, kelab atau pertubuhan atau amanah, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan mengenai sebarang Maklumat Sulit kepada orang di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Maklumat Sulit termasuk data peribadi anda, butiran akaun bank, maklumat transaksi, dan apa-apa maklumat lain yang dianggap bersifat sulit atau proprietari oleh seseorang yang munasabah. Persetujuan anda akan berkuatkuasa walau apapun sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda mewakili bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 25 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.
- 25.5 Anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak untuk mengambil segala tindakan yang diperlukan untuk mematuhi dan kekal mematuhi FATCA sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Jika sebahagian daripada pendapatan anda boleh dilaporkan dan sebahagiannya tidak, kami akan melaporkan semua pendapatan kecuali kami dapat menentukan jumlah yang boleh dilaporkan dengan sewajarnya. Anda dengan ini membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan kami, di mana sesuai, untuk menahan atau mengutip daripada sebarang bayaran, sebarang cukai atau penilaian kerajaan lain yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keperluan untuk menahan atau memotong suatu jumlah di bawah Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, di mana setiap daripadanya dipinda dari masa ke semasa atau mana-mana perjanjian lain dengan atau antara pihak berkuasa.
- 25.6 Kami atau mana-mana ahli Kumpulan, boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap sesuai untuk memenuhi sebarang tanggungjawab, sama ada di Malaysia atau di tempat lain di dunia, berhubung dengan pencegahan pengelakan cukai. Ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyiasat dan memintas bayaran ke dalam dan keluar daripada akaun anda (terutamanya dalam hal pemindahan dana antarabangsa), menyiasat sumber atau penerima yang dimaksudkan untuk dana, perkongsian maklumat dan dokumen dengan pihak berkuasa cukai tempatan dan antarabangsa dan menahan pendapatan daripada akaun anda dan memindahkannya kepada pihak berkuasa cukai tersebut. Jika kami tidak berpuas hati bahawa suatu pembayaran ke dalam atau ke luar daripada akaun anda adalah sah, kami boleh menolak untuk mengurus dengannya.
- 25.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti yang anda mungkin alami akibat daripada pematuhan kami kepada undang-undang, peraturan, perintah atau perjanjian dengan pihak berkuasa cukai atau oleh dan antara pihak berkuasa cukai atau jika kami melakukan penentuan yang salah sama ada anda patut dianggap sebagai tertakluk kepada cukai atau tanggungjawab pelaporan cukai.

- 25.8 Klausula 25 ini akan mengatasi mana-mana terma yang tidak konsisten atau persetujuan yang diberikan oleh anda di bawah mana-mana perjanjian dengan kami setakat perjanjian sedemikian menyediakan hak yang berkurangan bagi kami, sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma dan Syarat ini. Klausula 25 ini tidak akan mempengaruhi sebarang klausula lain dalam Terma dan Syarat ini yang berkenaan dengan permintaan untuk maklumat atau pendedahan data.

26 Notis dan Komunikasi

- 26.1 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menghantar sebarang Penyata Akaun, notis atau komunikasi kepada anda dalam apa-apa cara seperti berikut:-
- (a) mel elektronik ke alamat terakhir e-mel anda yang terdapat dalam rekod kami;
 - (b) pos (berdaftar, berdaftar Akaun Terima (*Acknowledged Receipt* atau AR), biasa atau sebaliknya) atau dihantar dengan tangan atau ditinggalkan di alamat terakhir yang terdapat dalam rekod kami;
 - (c) pemaparan notis di Cawangan;
 - (d) peletakan notis atau komunikasi dalam laman web rasmi kami di www.uob.com.my;
 - (e) dengan cara pengiklanan atau peletakan notis am dalam surat khabar harian;
 - (f) siaran radio atau televisyen atau mana-mana bentuk komunikasi media lain;
 - (g) faksimile atau teleks ke nombor faksimile atau teleks terakhir anda yang terdapat dalam rekod kami.
- 26.2 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia dihantar, pada hari berikutan pengeposan (walaupun ia telah dikembalikan tanpa dihantar) atau pada hari pemaparan, penerbitan atau penyiaran tersebut dilakukan.
- 26.3 Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa yang mungkin berlaku kepada notis atau komunikasi selepas ianya dihantar, sebagai contoh termasuk sebarang notis atau komunikasi yang tertangguh, dipintas, hilang, gagal sampai atau didedahkan kepada sesiapa semasa transit.
- 26.4 Perubahan dalam butiran kontak:-
- (a) Anda bersetuju untuk memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam surat-menyurat/pengeposan atau alamat kediaman dan maklumat kontak anda ("Maklumat").
 - (b) Jika anda tidak memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam Maklumat anda, anda bersetuju bahawa kami mungkin pada budi bicara mutlak kami, bergantung pada:-
 - (i) sebarang alamat dan/atau maklumat kontak yang dinyatakan dalam borang permohonan atau yang dinyatakan dalam rekod kami; atau
 - (ii) sebarang alamat dan/atau maklumat kontak yang kami peroleh daripada sebarang komunikasi yang dikatakan telah dihantar oleh anda kepada kami.
 - (c) Sebarang kegagalan oleh anda untuk memaklumkan kami mengenai perubahan dalam Maklumat anda yang menyebabkan kelewatan atau tiada penghantaran mana-mana Penyata Akaun, surat-menyurat dan/atau notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

27 Penyampaian Proses Guaman

Penyampaian sebarang writ atau saman atau apa-apa proses guaman lain berhubung dengan tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Akaun ini boleh dilaksanakan ke atas anda melalui mel biasa yang dihantar ke alamat terakhir anda yang diketahui oleh kami. Penyampaian

sedemikian akan dianggap sebagai penyampaian yang memuaskan dan mencukupi ke atas anda pada hari berikutan pengeposan tersebut, walaupun jika ia tidak dihantar atau dikembalikan.

28 Keadaan Di Luar Kawalan Kami

Jika kami tidak dapat melaksanakan sebarang tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini, atau menjalankan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan akibat daripada mana-mana sebab di luar kawalan kami, termasuk:-

- (a) kebakaran, gempa bumi, banjir, epidemik, malapetaka semula jadi, kemalangan, kerusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan, bencana alam;
- (b) sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api; atau
- (c) sebarang keadaan dalam bentuk *force majeure* (sesuatu peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini),

kami tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa-apa cara untuk sebarang kegagalan pelaksanaan atau untuk sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh anda akibat daripadanya.

29 Indemniti

Anda akan melindungi kami dan semua pekerja, kakitangan, penama, pengarah dan agen kami daripada semua kerugian, kos, ganti rugi, rasa malu, tuntutan dan perbelanjaan, termasuk fi dan kos guaman (pada dasar indemniti), walau bagaimana sekalipun yang dialami atau ditanggung oleh kami (selain daripada kerugian, kos atau ganti rugi yang timbul daripada salah laku sengaja kami, kakitangan dan agen kami) termasuk, tanpa had:-

- (a) kami bertindak atau melaksanakan sebarang Arahan yang dikatakan telah diberi kepada kami menurut Terma dan Syarat ini sama ada Arahan tersebut adalah tidak sah, tidak tepat atau tidak lengkap atau sebaliknya;
- (b) dalam pelaksanaan fungsi kami sebagai ahli bank anda termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kutipan cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan untuk kutipan;
- (c) berhubung dengan pengekalan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini atau akibat daripada sebarang ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat ini atau sebarang terma dan syarat lain yang digunakan oleh anda;
- (d) berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap anda atau sebarang Akaun untuk apa-apa sebab sekali pun, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penggunaan Akaun yang menyalahi undang-undang, palsu, cuai atau tidak dibenarkan;
- (e) berhubung dengan apa-apa penglibatan kami dalam sebarang prosiding dalam apa-apa bentuk untuk melindungi atau berhubung dengan Akaun;
- (f) berhubung dengan pematuhan kami kepada sebarang undang-undang atau peraturan masa kini atau masa depan atau arahan rasmi berkaitan dengan mana-mana Terma dan Syarat ini;
- (g) yang timbul daripada atau berhubung dengan Terma dan Syarat ini;
- (h) yang timbul daripada atau berhubung dengan sebarang undang-undang atau peraturan pencukaian dari mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

30 Penepian

Kegagalan untuk menjalankan, atau kelewatan untuk menjalankan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi oleh kami tidak akan dianggap sebagai suatu penepian, ataupun pelaksanaan sesuatu atau sebahagian hak, kuasa, keistimewaan atau remedi lain. Hak dan remedi di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif untuk mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

31 Kebolehasingan

Ketidaksahan atau tiada penguatkuasaan mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjejaskan tujuan dasar Terma dan Syarat ini. Ketidaksahan atau tiada penguatkuasaan peruntukan ini boleh diasingkan, dan tidak akan menjejaskan kesahan atau penguatkuasaan terma dan peruntukan lain, yang akan kekal dikuatkuasa dan dilaksanakan pada tahap sepenuhnya.

32 Perlindungan Hak dan Kelayakan

Hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan terlindung daripada sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan penggunaan Akaun.

33 Penyerahan Hak

33.1 Terma dan Syarat ini adalah terikat dan memanfaatkan kami dan anda serta pengganti hak milik dan pemegang serah hak yang dibenarkan anda. Terma dan Syarat ini akan terus mengikat anda walaupun terdapat:-

- (a) sebarang perubahan dalam nama atau perlembagaan kami; atau
- (b) penggabungan atau penyatuan kami ke dalam mana-mana entiti lain, dan di dalam keadaan sedemikian, entiti tersebut akan menggantikan kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat ini akan terus dikuatkuasakan antara anda dan entiti tersebut.

33.2 Tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu, anda tidak boleh, dalam apa-apa cara, menyerahkan hak, memindah atau mengenakan caj kepada mana-mana pihak ketiga sama ada melalui sekuriti atau sebaliknya untuk hak dan tanggungjawab anda di bawah Terma dan Syarat ini.

34 Undang-undang yang Mentadbir

Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan anda secara muktamad:-

- (a) menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia;
- (b) menyetujui sebarang bantahan pada alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa, atau mana-mana dasar yang sama; dan
- (c) membenarkan proses perkhidmatan melalui mel biasa atau dalam apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Terma dan Syarat ini dan/atau sebarang undang-undang berkaitan.

35 Pengikatan Pengganti

Terma dan Syarat ini akan mengikatkan waris dan wakil peribadi anda, serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik kami.

36 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

Deposit yang dikekalkan oleh anda dalam Akaun ini layak untuk menerima perlindungan dari Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dan satu salinan brosur PIDM telah disediakan untuk anda.